

Indeks Syariah Malaysia pastikan pentadbiran negara ikut Islam

Lima bidang utama, menjaga akal, agama, nyawa, harta, keturunan diberi perhatian

Menurut Imam al-Ghazali, matlamat syariah adalah untuk melindungi lima komponen maqasid yang penting iaitu memelihara akal, agama, harta, nyawa dan keturunan. Ini membuktikan Islam adalah sistem hidup lengkap, komprehensif serta relevan pada bila-bila masa.

Tujuan maqasid syariah seperti dikehendaki syarak adalah untuk mewujudkan kebaikan (manfaat) dan menolak keburukan serta menghalang kemudaratan (mafsadah). Begitulah keindahan dan kesempurnaan Islam sebagai al-Din.

Garis panduan yang ideal itu memastikan segala keperluan, kehendak dan aspirasi kehidupan dapat dipenuhi serta terpelihara termasuk usaha kerajaan membangunkan negara melalui dasar diperkenalkan.

Pada 10 Februari 2015, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melancarkan Indeks Syariah Malaysia untuk melihat komitmen kerajaan memenuhi maqasid syariah sejak ne-

gara mencapai kemerdekaan.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Othman Mustapha, berkata inisiatif itu bertujuan membantu Malaysia melakar satu dimensi baharu iaitu indeks syariah yang boleh mengukur pentadbiran negara berpandukan ciri menepati syariah.

Dalam bahasa mudah katanya, Indeks Syariah Malaysia berperanan sebagai wadah muhasabah untuk melihat apa yang sudah dilaksanakan kerajaan menepati prinsip maqasid syariah dan andai ada ruang penambahbaikan ia boleh dilakukan dengan lebih berkesan.

"Sejak merdeka, kerajaan komited dan istiqamah memastikan usaha serta dasar kerajaan berpaksikan kepada maqasid syariah. Namun, semua dasar ini belum pernah diukur. Melalui Indeks Syariah Malaysia ini kita menilai kedudukan kerajaan menjalankan pentadbiran berdasarkan prinsip maqasid syariah."

Othman Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM



"Kerajaan komited dan istiqamah memastikan usaha serta dasar kerajaan berpaksikan kepada maqasid syariah"

Othman Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM

ram dilaksanakan kerajaan memenuhi maqasid syariah. Pada masa sama, kita dapat mengenal pasti ruang pembaikan yang perlu diberi fokus supaya lebih banyak manfaat terhasil daripada penerapan nilai sejagat dalam Islam," katanya.

Lapan bidang utama

Model Indeks Syariah Malaysia adalah mekanisme bagi memperbaiki dan menambah baik program untuk kesejahteraan rakyat yang mencakupi lapan bidang utama iaitu perundangan, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, prasarana serta sosial.

Setiap bidang itu meliputi penyempurnaan lima matlamat dalam maqasid syariah iaitu pemeliharaan akal, agama, harta, nyawa dan keturunan. Fokus indeks adalah berkaitan dasar, program atau pembangunan dilaksanakan kerajaan yang menepati prinsip Islam.

Pengukuran pencapaian indeks itu dilakukan ke atas tiga komponen iaitu pengubah dasar (pemerintah), pelaksana dasar (agensi pelaksana) dan masyarakat awam keseluruhannya.

Elemen maqasid syariah menjadi teras pengukuran kerana ia menepati semua aspek kehidupan. Indeks Syariah Malaysia yang bersifat menyeluruh, komprehensif dan pertama seumpamanya di dunia itu juga adalah pelengkap kepada tadbir-urus Islam di negara ini.

Selepas pelancarannya, Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah Malaysia terdiri daripada sembilan pakar dalam bidang masing-masing, memulakan tugas mendail serta melihat program dan dasar kerajaan bagi melihat sejauh mana ia menepati prinsip syariah.

Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah Malaysia itu dibantu 133 penyedek daripada lima institusi pengajian tinggi awam yang dilantik bersama JAKIM bertindak sebagai agensi pelaksana program berkenaan.

Universiti yang terlibat ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Menepati jangkaan hasil daripada kajian peringkat awal berjaya diperolehi pada akhir tahun lalu, laporan



Pusat pentadbiran kerajaan di Putrajaya. (GAMBAR HIASAN)

Indeks Syariah Malaysia bakal dikemukakan oleh Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), hari ini.

Othman berkata, kerajaan menerapkan prinsip Islam dalam pentadbiran melalui pelbagai dasar dan program antaranya Penerapan Nilai-Nilai Islam, Islam Hadhari, Wasatiyyah serta dasar berkaitan ekonomi, pendidikan, sosial, budaya, prasarana yang tidak dilabelkan atas nama Islam namun mempunyai roh Islam.

Malaysia juga dikenali di seluruh dunia sebagai negara Islam maju yang mempepori bidang kewangan Islam, industri halal, pelancongan Islam dan kini sedang mempepori bidang urus tadbir bertekankan prinsip maqasid syariah.

Galak muhasabah diri

"Islam amat menegakkan umatnya sentiasa bermuhasabah dari sekecil-kecil hingga sebesar-besarnya perkara. Muhasabah bukan sahaja untuk memperbetulkan diri tetapi yang paling penting untuk melihat ruang penambahbaikan ataupun islah."

"Dalam bernegara kita juga perlu bermuhasabah dan melalui penilaian serta ukuran daripada Indeks Syariah Malaysia, kita dapat menyemak sejauh mana lima aspek maqasid syariah sudah disempurnakan serta berada di tahap mana."

"Komitmen Perdana Menteri untuk mengukur sejauh mana maqasid syariah sudah dipenuhi patut dipuji," katanya.

Menyentuh dakwaan sesetengah pihak bahawa Indeks Syariah Malaysia tidak praktikal kerana rakyat negara terdiri daripada berbilang bangsa dan agama, beliau menegaskan, Islam adalah agama Persekutuan seperti termaktub dalam perkara 1(1) Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, perkara itu menjadi peparigan rakyat Malaysia dan harus dihoormati oleh semua pihak malah jika difahami matlamat maqasid syariah ia bertujuan memberi manfaat, memelihara kemaslahatan serta memenuhi keadilan sosial kepada umat Islam, juga bukan Islam.

Othman berkata, tonggak maqasid syariah yang lima itu bukan sahaja sesuai untuk umat Islam tetapi juga bukan Islam kerana semua orang inginkan hartanya selamat, keturunannya terjaga dan pendidikan dipelihara.

"Tulah roh maqasid syariah yang diukmahi bersama merentas kaum dan agama. Elemen maqasid syariah yang menjadi teras pengukuran amat sesuai serta menepati semua aspek kehidupan manusia. Perancangan dan pelaksanaan yang akan merubah landskap pentadbiran

INFO

Maqasid Syariah

Indeks Syariah Malaysia adalah satu kaedah pengukuran saintifik bagi menentukan usaha kerajaan dalam aspek berkaitan dasar serta program yang dilaksanakan menepati prinsip maqasid syariah satu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Indeks ini juga akan mengenal pasti ruang pembaikan yang perlu diberi fokus oleh kerajaan supaya hasil daripada penerapan nilai sejagat dalam Islam itu dapat meningkatkan tahap patuh syariah pada setiap dasar, program pentadbiran serta pembangunan negara.

Indeks Syariah Malaysia menggabungkan kepakaran pelbagai bidang untuk menilai dasar tadbir urus yang baik dalam konteks menetapkan mutu pentadbiran negara Islam memenuhi prinsip syariah mencakupi lapan bidang utama iaitu perundangan, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, prasarana serta sosial.

Berdasarkan kajian saintifik berpandukan Indeks Syariah Malaysia, kelemahan, kekurangan serta ruang pembaikan dapat dikenal pasti seterusnya diberi perhatian supaya dapat dipertingkatkan bagi mencapai tahap patuh syariah.

Indeks ini juga dapat memperbetulkan persepsi negatif terhadap usaha dilaksanakan kerajaan kerana ada yang tidak mempunyai label Islam, tetapi hasilnya menepati maqasid syariah.

negara maju setapak lagi. "Indeks Syariah Malaysia ialah nilai prinsip maqasid syariah yang mempunyai nilai kesejagatan atau nilai bersama. Memenuhi prinsip maqasid syariah dalam bernegara memastikan hak rakyat memenuhi semua aspek kehidupan terpelihara," katanya.

INFO

Kumpulan Penyelidik

133 ORANG PENYELIDIK



5 UNIVERSITI AWAM



INFO

RESPONDEN KAJIAN

JUMLAH RESPONDEN SELURUH NEGARA



INFO

MAQASID SYARIAH

BIDANG PENGUKURAN INDEKS SYARIAH MALAYSIA



INFO



Apa itu Indeks Syariah Malaysia?

Indeks Syariah Malaysia adalah satu pengukuran saintifik bagi menentu ukur komitmen dan kedudukan negara dalam menjalankan urus tadbir berlandaskan prinsip sejagat Maqasid Syariah.



Apa Tujuan Indeks Syariah?

1. Mengukur sejauh mana tahap usaha kerajaan dalam melaksanakan dasar dan program negara berlandaskan prinsip sejagat Maqasid Syariah
2. Mengukur tahap pencapaian berdasarkan usaha yang telah dilakukan
3. Mengenalpasti ruang-ruang penambahbaikan yang perlu diberi fokus oleh kerajaan supaya rakyat mendapat banyak manfaat



Apa faedah kepada Negara?

1. Dasar-dasar dan program-program Negara akan menepati matlamat syariah yang merangkumi lima prinsip Maqasid Syariah
2. Kerajaan dapat mengetahui kelebihan dan kekurangan seterusnya melakukan tajdid (pembaharuan), islah (penambahbaikan), ihya' (penyemarakkan) dan tatsbit (pengukuhan)